


Headline	THySIS TNB bantu pelihara hutan simpan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	155,996
Page No	38	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,735
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,205



THySIS TNB bantu pelihara hutan simpan

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) membangunkan Tree Hyperspectral Identification System (THySIS) yang pertama seumpamanya di negara ini bagi mengesan spesies pokok terancam menggunakan teknik penderiaan jauh.

Menerusi sistem berkenaan, TNB dapat memastikan pembinaan menara penghantarannya tidak menjejaskan spesies tumbuhan terancam, sejajar dengan komitmennya terhadap pengukuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Ketua Pegawai Grid TNB, Dev Anandan berkata, THySIS membolehkan pihaknya mengenal pasti flora dan fauna di kawasan terlibat sebelum mengemukakan cadangan laluan penghantaran, berbanding bergantung sepenuhnya kepada maklumat pihak berkuasa hutan.

"Sistem ini akan digunakan apabila Jabatan Perancangan Tanah di TNB mahu mengenal

pasti laluan atau jajaran rintis untuk kerja-kerja pembangunan menara talian penghantaran yang baharu," katanya dalam satu kenyataan.

THySIS beroperasi menggunakan kaedah LIDAR (pengesanan dan julat cahaya) bersama kaedah hiperspektral yang dipasang pada dron bagi mengumpul data tumbuhan dan memetakannya dalam bank imej.

Dev berkata, Jabatan Perancangan Tanah TNB akan cuba sedaya upaya mengelak daripada melalui laluan atau jajaran yang mempunyai spesies-spesies tumbuhan terancam, menerusi pengesanan awal jenis tumbuhan di kawasan cadangan pembangunan.

"Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengenal pasti 40 spesies pokok yang tidak boleh ditebang kerana diancam kepupusan," katanya dalam satu kenyataan.



JURUTEKNIK TNB sedang melakukan pencerapan data imej udara bagi tujuan kajian cadangan talian baharu.